

TAHAP PENGETAHUAN, SIKAP DAN AMALAN PENGUNAAN PRODUK MAKANAN ORGANIK DALAM KALANGAN PENGGUNA DI KUALA KRAI, KELANTAN

Wan Rohaya Wan Mohammed
Zuroni Md Jusoh
Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia

Pengenalan

Dalam era yang semakin maju, kini pelbagai kaedah penghasilan bahan makanan dilakukan dan menjadi satu usaha yang berterusan untuk memenuhi cita rasa dan makanan yang selamat dimakan oleh pengguna. Perubahan dalam struktur ekonomi dan demografi yang berlaku di Malaysia pula telah menjawab persoalan segmen pasaran makanan yang perlu dihasilkan dalam industri makanan. Salah satu daripada usaha tersebut ialah hasil pertanian secara organik. Dalam pada itu, kemajuan dalam bidang pertanian dan pasaran telah membawa kepada permintaan untuk pengeluaran makanan, makanan mudah sedia dan makanan kesihatan oleh pengguna yang terdiri daripada makanan organik (Golnaz, Zainalabidin, Mad Nasir, & Phuah, 2011).

Perhatian terhadap makanan yang dihasilkan secara organik semakin meningkat di serata dunia. Hal ini berpunca daripada keprihatinan pengguna tentang amalan pertanian intensif dan kesannya terhadap kesihatan manusia dan juga alam sekitar (Wier, Andersen & Millock, 2003). Maklumat statistik boleh didapati daripada 141 buah negara di dunia dengan bahagian tanah ladang dan pertanian ini terus berkembang di kebanyakan negara. Keputusan utama kajian global menunjukkan pertanian organik yang disahkan ialah sebanyak 32,200,000 hektar tanah yang diuruskan oleh lebih daripada 1.2 juta pengeluar, termasuk pekebun kecil (Willer & Klicher, 2009).

Di Malaysia, pertanian secara organik mula diperkenalkan pada tahun 1987 (Rohaniza, 2010) dan diusahakan oleh pihak persendirian yang menghasilkan tanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan padi. Kebanyakannya mengusahakan pengeluaran makanan organik ini secara kecil-kecilan. Terdapat lapan negeri yang mengusahakan ladang organik di Malaysia

dengan jumlah keluasan 581 hektar. Kebanyakan ladang organik terletak di Pahang, Negeri Sembilan dan Johor (William, 2002).

Pertanian organik tidak hanya bergantung pada ketiadaan racun perosak bahkan juga kepada kesan terhadap kualiti alam sekitar kerana penggunaan racun perosak tidak digunakan sewenang-wenangnya kerana ia boleh mencemarkan tanah dan air serta menyebabkan pencemaran umum dalam ekosistem. Masalah ini pula boleh terjadi melalui pertanian konvensional, seperti peningkatan hakisan tanah dan pencemaran serta kos tenaga yang lebih tinggi daripada pengeluaran keseluruhan (Azadi & Ho, 2010).

Penggunaan bahan-bahan sintetik tidak dibenarkan dalam pertanian organik. Pembajaan produk organik hanya menggunakan sisa haiwan dan tanaman (Carl & Sarah, 2006) dan menekankan pendekatan amalan kultur, biologi, fizikal dan mekanikal dalam pengawalan perosak dan penyakit (Jabatan Pertanian Malaysia 2012). Hal ini berbeza dengan pertanian konvensional yang majoritinya menggunakan kaedah pembajaan kimia dan racun kimia bagi menghasilkan produk yang berkualiti dan terhindar daripada haiwan perosak, sekali gus menjimatkan kos dan menghasilkan keluaran yang banyak (Mohamad Hafizudin, 2012).

Seterusnya ialah Komponen Pemakanan. Beberapa penelitian menunjukkan bahawa makanan organik memiliki kandungan pemakanan yang lebih tinggi jika dibandingkan produk konvensional. Kajian yang dilakukan oleh Chris Aleson, iaitu Presiden *The Organics Retailers and Growers Association of Australia* telah menunjukkan tingkat kalsium, potasium, magnesium, sodium dan zat besi dalam sayuran organik 10% lebih tinggi berbanding dengan produk makanan konvensional. Salah satu penyebab tingginya kandungan pemakanan pada produk organik ialah proses radiasi yang dialami produk bukan organik. Penelitian lain menunjukkan kandungan vitamin A, B kompleks, C, E dan K dalam sayuran yang diradiasi berkurang sehingga 80% berbanding dengan makanan konvensional.

Kenyataan masalah

Pada masa kini pengguna menjadi lebih sedar terhadap pemakanan, kesihatan, dan kualiti makanan yang dimakan oleh mereka. Kesihatan menjadi salah satu kriteria yang penting semasa proses pembelian makanan (Crutchfield & Robert, 2010). Banyak laporan menyatakan sayur-sayuran mengandungi residu racun perosak yang tinggi, ikan mengandungi bahan awet yang berbahaya, daging ayam yang mengandungi residu dadah, dan makanan proses mengandungi aditif yang tinggi. Oleh yang demikian, atas dasar prinsip berjaga-jaga, memilih makanan organik seolah-olah merupakan suatu keputusan yang rasional.

Menurut Radman (2005), pengguna memiliki minat dan sikap yang positif terhadap makanan yang dihasilkan secara organik. Walau bagaimanapun, bilangan pengguna yang membeli dan mengamalkan corak penggunaan makanan organik masih berada pada tahap yang rendah.

Seterusnya, masalah yang turut dihadapi oleh pengguna ialah kurangnya pelabelan atau pensijilan yang mengesahkan bahawa sesuatu produk itu dihasilkan oleh sistem perladangan yang benar-benar secara organik. Pengguna juga tidak dapat membezakan produk organik dengan produk yang dihasilkan secara ladang konvensional. Mereka juga keliru antara penggunaan pelabelan produk ini dengan nama *green food*, *pesticide free*, *chemical free*, *eco friendly*, *safe food* dan pelbagai lagi menggunakan nama pengeluar (Noor, 2010).

Sehubungan itu, adalah penting untuk mengukur tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan produk organik dalam kalangan pengguna supaya dapat melihat dengan lebih dekat dan menilai perkaitan antara tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan produk organik. Oleh itu, kajian terhadap makanan organik ini adalah sangat penting kepada semua pihak yang merangkumi pengguna, pengeluar, kerajaan dan juga badan-badan bukan kerajaan (NGO) kerana kajian ini akan mencungkil dengan lebih mendalam perkaitan antara ketiga-tiga elemen tersebut yang secara tidak langsung akan dapat membantu semua pihak mengetahui dengan lebih mendalam mengenai makanan organik dan kepentingannya. Persoalan yang dikemukakan dalam kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan, sikap dan amalan pengguna terhadap penggunaan produk makanan organik?
2. Apakah perkaitan antara tahap pengetahuan dengan sikap pengguna terhadap penggunaan produk makanan organik?
3. Apakah perkaitan antara tahap pengetahuan dengan amalan pengguna terhadap penggunaan produk makanan organik?
4. Apakah perkaitan antara sikap pengguna dengan amalan penggunaan produk makanan organik?

Objektif kajian

Mengenal pasti tahap pengetahuan, sikap dan amalan penggunaan produk makanan organik dalam kalangan pengguna di Kuala Krai, Kelantan.

Hipotesis kajian

Ho 1 - Tiada perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan sikap pengguna terhadap produk makanan organik.

Ho 2 - Tiada perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan pengguna terhadap produk makanan organik.

Ho 3 - Tiada perkaitan yang signifikan di antara sikap dengan amalan pengguna terhadap produk makanan organik.

Tinjauan literatur

Hubungan antara pengetahuan dengan sikap terhadap produk makanan organik

Pengetahuan tentang makanan organik merupakan elemen yang penting dalam mempengaruhi pengguna terhadap penggunaan produk organik. Hal ini kerana terdapat hubungan yang positif antara pengetahuan dengan penggunaan produk makanan organik (Pieniak, Aertsens, & Verbeke, 2010). Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh mereka, 87.53% responden di Sepanyol menyatakan bahawa mereka mengetahui tentang makanan organik dan ini merupakan satu peratusan yang tinggi. Kajian ini juga menunjukkan ramai responden yang mengetahui tentang logo makanan organik, tetapi hanya segelintir sahaja yang mengenali logo tersebut apabila dibandingkan dengan logo lain iaitu logo alam sekitar.

Hal ini jelas menunjukkan tidak semua responden benar-benar mengetahui tentang makanan organik dan logonya. Pengguna yang lebih mengetahui tentang kesihatan dan alam sekitar mempunyai tahap pengetahuan yang lebih tinggi terhadap makanan organik yang juga mengesahkan untuk membeli makanan organik lebih kerap (Lau, 2009).

Faktor demografi secara langsung akan mempengaruhi sikap pengguna ke atas penggunaan produk organik (Wier *et al.*, 2003). Sikap pengguna akan mempengaruhi tingkah laku membeli makanan organik dan ia berkait dengan sistem nilai yang lebih mendalam bagi pengguna. Contoh nilai yang berkaitan dengan penggunaan makanan organik adalah seperti kebimbangan terhadap kesihatan, alam sekitar dan kebajikan haiwan (Wandel & Bugge, 1997).

Kajian yang dilakukan di Greece mendapati majoriti pengguna menunjukkan sikap yang positif terhadap makanan organik. Lebih 65% daripada responden

mendakwa berminat dengan makanan organik dan 50% daripada mereka menunjukkan keutamaan untuk membeli makanan organik. Kebimbangan alam sekitar dan kesihatan menjadi motif yang kuat untuk pengguna dan seolah-olah memberi kesan kepada penggunaan makanan organik. Hampir semua responden (94.5%) bimbang tentang keselamatan makanan dan 87% daripada mereka mempertimbangkan penggunaan produk organik untuk menjadi lebih sihat. Sikap pengguna yang mendakwa bahawa penggunaan makanan organik adalah salah satu cara untuk melindungi persekitaran (74.1%), justeru responden lebih suka membeli produk organik walaupun harganya lebih tinggi (40.8%). Selain itu, pengguna juga mempertimbangkan produk makanan organik dengan produk makanan konvensional dari segi kualiti kerana produk organik adalah bebas racun perosak dan sisa kimia (Efthimia, Christina, Yorgos, & Kostantinos, 2008).

Sementara itu, kajian yang dilakukan oleh Persatuan Pengguna-pengguna Standard Malaysia pula mendapati bahawa masyarakat Malaysia pada hari ini memahami sedikit sebanyak tentang makanan organik. Berdasarkan kajian yang dilakukan, seramai 67.2% responden menyatakan mereka tahu tentang makanan organik melalui informasi label dan tanda (*marks*) dan 22.2% bergantung pada penjual bagi mengesahkan makanan organik. Apabila ditanya tentang apakah makanan organik, seramai 40.8% mengatakan ia tidak mempunyai racun serangga, hormon dan sebagainya, manakala seramai 38.9% berpendapat makanan organik tidak dirawat dengan bahan pengawet dan sebagainya (*Buletin Pengguna*, 2006).

Hubungan antara pengetahuan dengan amalan pengguna terhadap produk makanan organik

Penggunaan produk organik adalah berkait rapat dengan tahap pengetahuan pengguna terhadap produk organik. Terdapat hubungan yang positif antara kesedaran kesihatan, kebimbangan alam sekitar dan pengetahuan makanan organik dengan amalan pengambilan makanan organik (Law, 2009). Kajian Shamsul Azahari, Laily & Azzaro (2007) menyatakan bahawa amalan pengguna terhadap makanan organik bergantung pada ciri-ciri produk semasa membeli produk makanan organik. Secara keseluruhannya, ciri-ciri makanan yang paling penting yang pengguna tekankan ialah rasa, perisa, bentuk dan bau makanan tersebut, kesegaran, kepelbagaian saiz, dari mana makanan tersebut datang dan bagaimana makanan tersebut dihasilkan.

Bagi responden yang mengamalkan amalan makanan organik, mereka mengambil kira kriteria dari segi penjagaan kesihatan diri, prihatin terhadap alam sekitar, menjaga kebajikan-kebajikan binatang ternakan, dan memelihara kebun kecil komuniti luar. Hasil kajian ini jelas menunjukkan

terdapat perkaitan antara tahap pengetahuan pengguna dengan amalan terhadap pemakanan organik dengan melihat kriteria-kriteria tertentu sebelum membeli produk makanan organik.

Hubungan sikap dengan amalan terhadap penggunaan produk makanan organik

Profil pengguna makanan organik diukur dengan menggunakan pelbagai pemboleh ubah, seperti niat pembelian atau kadar penggunaan. Tahap penggunaan yang tinggi terhadap makanan organik dikaitkan dengan sikap pengguna dan struktur nilai dalam pembelian (Barrena & Sanchez, 2010). Kebimbangan alam sekitar dan kesihatan pula ialah faktor motivasi yang kuat bagi sikap terhadap penggunaannya. Pengguna dalam kumpulan ini percaya organik adalah sihat dan mempertimbangkan penggunaan organik sebagai satu cara untuk melindungi alam sekitar. Pengalaman sebelumnya dengan produk organik juga membentuk sikap yang secara tidak langsung memberi kesan kepada tingkah laku pengguna terhadap pembelian dan penggunaan produk organik (Efthimia *et al.*, 2008).

Di Norway, penyelidik membahagikan penggunaan makanan organik kepada beberapa kumpulan makanan organik iaitu sayur-sayuran, buah-buahan, gandum dan pasta, produk tenusu, telur dan daging. Berdasarkan kumpulan makanan organik tersebut, hasil kajian yang dilakukan mendapati penggunaan kerap oleh pengguna terhadap makanan organik adalah disebabkan oleh dua faktor utama, iaitu kesihatan dan komponen kelestarian. Pengguna kebiasaannya mengambil beberapa komponen utama kumpulan makanan organik sebagai pengambilan harian iaitu sayur-sayuran, buah-buahan dan beri, gandum, pasta dan beras. Penggunaan secara kerap makanan organik ini meningkat seiring dengan peningkatan usia, pendidikan, pendapatan pengguna.

Kajian yang dilakukan di Lembah Klang, Malaysia pula mendapati penggunaan terhadap makanan organik semakin meningkat. Hasil kajian mendapati jumlah perbelanjaan responden terhadap makanan organik ini adalah dalam min lingkungan RM300 - RM700 sebulan. Produk organik yang paling kerap dibeli oleh responden ialah produk sayur-sayuran dan bijirin dan kebiasaannya produk-produk ini dibeli di pasar raya.

Metodologi

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan penyelidikan yang berbentuk tinjauan. Kajian tinjauan digunakan untuk mendapatkan maklumat daripada responden. Memandangkan kajian ini berbentuk tinjauan maka pengumpulan

data dilaksanakan dengan menggunakan borang soal selidik. Kaedah yang digunakan dalam pemilihan kawasan kajian pendekatan pensampelan rawak mudah. Kelantan merangkumi 10 buah daerah yang terdiri daripada Bachok, Jeli, Kota Bharu, Kuala Krai, Machang, Pasir Mas, Pasir Putih, Gua Musang, Tanah Merah dan juga Tumpat. Hasil daripada pemilihan yang dibuat, Kuala Krai terpilih sebagai lokasi kajian dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kajian ini dilakukan di Kelantan memandangkan kerajaan Kelantan bersungguh-sungguh untuk menjadikan negeri ini sebagai sebuah Jelapang Makanan Negara 2015. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, kerajaan negeri melalui agensi pertanian telah mengadakan Ekspo Pertanian Negeri Kelantan 2012 yang disempurnakan perasmianya oleh Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV pada 5 hingga 10 Jun 2012.

Kaedah pensampelan yang digunakan dalam kajian ini merangkumi dua kaedah, iaitu pensampelan rawak mudah dan pensampelan bertujuan. Pemilihan kawasan kajian melibatkan pensampelan rawak mudah, iaitu jumlah keseluruhan pasar raya disenaraikan terlebih dahulu. Kemudian 30 orang responden dipilih bagi setiap pasar raya yang disenaraikan. Penyelidikan ini juga adalah bertujuan kerana pemilihan responden kajian ini adalah terhad kepada pengguna yang bekerja dan memiliki pendapatan bulanan serta sedikit sebanyak dapat mengenal pasti dan pernah menggunakan makanan organik. Seramai 150 orang responden Melayu dipilih selain pengguna yang hanya berumur 18 tahun ke atas sahaja.

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk borang soal selidik dan bentuk soalan yang dikemukakan pula adalah yang berkonsepkan "*closed-ended question*". Borang selidik ini merangkumi empat bahagian iaitu Bahagian A: Latar belakang/demografi responden, Bahagian B: Pengetahuan terhadap makanan organik, Bahagian C: Sikap terhadap makanan organik dan Bahagian D: Amalan penggunaan terhadap makanan organik.

Soalan-soalan dalam Bahagian A adalah yang berkaitan dengan maklumat diri responden dari segi jantina, umur, taraf pendidikan, status, pekerjaan, pendapatan bulanan dan taraf pendidikan. Soalan yang dikemukakan pada bahagian ini adalah dalam bentuk terbuka dan tertutup. Bahagian B pula merangkumi soalan-soalan untuk menguji tentang pengetahuan dan kefahaman pengguna terhadap produk makanan organik dengan menggunakan soalan-soalan tertutup sama ada 'YA' atau 'TIDAK'. Bahagian C terdiri daripada soalan-soalan yang bertujuan untuk mengetahui sikap pengguna terhadap produk makanan organik yang diukur menggunakan

skala Likert lima pilihan jawapan iaitu “Sangat setuju, Setuju, Neutral, Tidak setuju dan Sangat tidak setuju”. Sementara Bahagian D diukur menggunakan skala Likert lima pilihan jawapan iaitu “Sangat kerap, Kerap, Kadang-kadang, Jarang-jarang dan Tidak pernah.

Analisis data untuk kajian dibuat dengan menggunakan program *statistical Package for social science (SPSS)* Version 16. Penganalisan data yang digunakan dalam kajian ini menggunakan beberapa kaedah utama, iaitu dengan menggunakan ujian Deskriptif serta ujian Korelasi Pearson.

Hasil kajian

Latar belakang responden

Berdasarkan Jadual 1, perbezaan jantina responden adalah tidak terlalu ketara kerana peratusan masing-masing ialah sebanyak 51.3% dan 48.7%. Dapatan kajian menunjukkan 52.0% responden yang terlibat dalam kajian ini berumur dalam lingkungan 26 hingga 36 tahun dengan kekerapan 78 orang, diikuti oleh responden yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 25 iaitu sebanyak 37 orang (24.7%), manakala responden yang berumur dalam lingkungan 37 hingga 47 tahun menduduki tempat ketiga iaitu sebanyak 19.3% dan selebihnya responden yang berumur 48 ke atas iaitu sebanyak 4.0%.

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Ciri-ciri Demografi

Ciri-ciri	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	77	51.3
Perempuan	73	48.7
Umur		
15-25	37	24.7
26-36	78	52.0
37-47	29	19.3
48 ke atas	6	4.0
Status perkahwinan		
Bujang	69	46.0
Berkahwin	81	54.0
Bercerai	-	-
Balu	-	-
Tahap pendidikan		
Tidak bersekolah	3	2.0
PMR/SRP/LCE	28	18.7
SPM/SPMV/MCE	61	40.7
STPM/Sijil/Diploma	7	4.7
Ijazah/Sarjana Muda	47	31.3
Master/PhD	4	2.7

Jadual 1: (sambungan)

Ciri-ciri	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Pekerjaan		
Kerajaan	48	32.0
Swasta	44	29.3
Sendiri	41	27.3
Buruh	13	8.7
lain-lain	4	2.7
Pendapatan bulanan		
RM 1000 ke bawah	52	34.7
RM 1001-2000	54	36.0
RM 2001-3000	29	10.3
RM 3001-4000	9	6.0
RM 4001-5000	6	4.0

Merujuk kepada tahap pendidikan responden pula didapati responden yang berpendidikan SPM/SPMV/MCE adalah yang paling ramai iaitu 40.7%, diikuti Ijazah/Sarjana Muda 31.3%, PMR/SRP/LCE 18.7% dan sebagainya. Dari segi pendapatan bulanan pula didapati kekerapan yang paling tinggi ialah berjumlah RM1001-2000 iaitu 36.0%, diikuti oleh responden yang berpendapatan RM1000 ke bawah iaitu 34.7% dan sebagainya seperti dalam Jadual 1.

Tahap pengetahuan responden terhadap makanan organik

Tahap pengetahuan terhadap makanan organik diukur dengan menggunakan soalan tertutup, iaitu responden hanya diberi pilihan jawapan “YA” atau “TIDAK”. Hasil dapatan kajian ini telah dianalisis dan ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 : Tahap Pengetahuan Responden terhadap Makanan Organik

Pernyataan	n (%)	
	TIDAK	YA
1. Tiada penggunaan racun serangga	12 (8.0)	138 (92.0)
2. Bebas GMO	14 (9.3)	136 (90.7)
3. Pertumbuhan secara semula jadi	20 (13.3)	130 (86.7)
4. Tinggi kandungan vitamin/mineral	9 (6.0)	141 (94.0)
5. Baik kepada persekitaran	2 (1.3)	148 (98.7)
6. Tiada perbezaan dengan produk makanan konvensional*	96 (64.0)	54 (36.0)

Jadual 2: (sambungan)

Pernyataan	n (%)	
	TIDAK	YA
7. Tidak mencemarkan alam sekitar	13 (8.7)	137 (91.3)
8. Produk makanan yang eksklusif	15 (10.0)	135 (90.0)
9. Sukar untuk membezakan makanan organik dengan konvensional	36 (24.0)	114 (76.0)
10. Membaiki kesihatan manusia	5 (3.3)	145 (96.7)

Nota : * Pernyataan negatif

Jadual 3: Taburan Markah Tahap Pengetahuan Pengguna terhadap Makanan Organik

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi (18 ke atas)	131	87.3
Sederhana (14-17)	17	11.3
Rendah (13 ke bawah)	2	1.3

Min : 18.80

Minimum : 12

Sisihan piawai : 1.36 Maksimum : 20

Jadual 3 menunjukkan taburan markah tahap pengetahuan responden terhadap produk makanan organik. Hasil kajian menunjukkan markah maksimum ialah sebanyak 20 markah dan markah minimum pula sebanyak 12 markah. Sebanyak 87.3% responden mempunyai taburan markah paling tinggi, iaitu dengan markah 18 ke atas dengan kekerapan sebanyak 131 orang. Seterusnya, diikuti oleh responden yang mempunyai tahap pendidikan sederhana iaitu 11.3% dengan jumlah markah 14 hingga 17 markah. Terdapat dua orang responden atau 1.3% yang memperoleh markah 13 ke bawah dan dikategorikan sebagai responden yang berpengetahuan rendah terhadap makanan organik.

Sikap pengguna terhadap produk makanan organik

Jadual 4 merupakan analisis taburan peratusan kecenderungan sikap responden terhadap produk makanan organik berdasarkan pengukuran Skala Likert (berdasarkan jawapan responden dalam borang soal selidik).

Jadual 4: Sikap Pengguna terhadap Makanan Organik

Pemboleh Ubah	n (%)				
	1	2	3	4	5
1. Bimbang tentang keselamatan produk makanan masa kini.	1 (0.7)	-	12 (8.0)	61 (40.7)	76 (50.7)
2. Produk makanan organik baik untuk kesihatan.	2 (1.3)	2 (1.3)	22 (14.7)	56 (37.3)	58 (45.3)
3. Makanan organik mahal berbanding makanan konvensional.	4 (2.7)	15 (10.0)	41 (27.3)	60 (40.0)	30 (20.0)
4. Bersedia membeli makanan organik	1 (0.7)	3 (2.0)	36 (24.0)	72 (48.0)	38 (25.3)
5. Produk organik lebih berkualiti.	1 (0.7)	4 (2.7)	31 (20.7)	66 (44.0)	48 (32.0)
6. Saya tidak akan membeli produk organik jika tiada label (<i>marks</i>).	6 (4.0)	10 (6.7)	38 (25.3)	64 (42.7)	32 (21.3)
7. Kepelbagaian produk organik adalah sedikit.*	2 (1.3)	12 (8.0)	40 (26.7)	73 (48.7)	23 (15.3)
8. Saya percaya kepada produk makanan organik.	2 (1.3)	5 (3.3)	20 (13.3)	75 (50.0)	48 (32.0)
9. Tidak terdapat kepelbagaian dalam makanan organik.*	6 (4.0)	25 (16.7)	42 (28.0)	62 (41.3)	15 (10.0)
10. Tidak banyak kedai yang menjual produk makanan organik.	4 (2.7)	9 (6.0)	19 (12.7)	81 (54.0)	37 (24.7)

Nota : * = Pernyataan negatif

Petunjuk:

1 = Sangat tidak setuju 2 = Tidak setuju 3 = Neutral 4 = Setuju 5 = Sangat setuju

Jadual 5: Sikap Pengguna terhadap Makanan Organik

Tahap	Kekerapan	Peratus (%)
Positif (29-42)	11	7.3
Negatif (15-28)	139	92.7

Min : 23.06

Minimum : 15

Sisihan piawai : 4.10 Maksimum : 42

Berdasarkan Jadual 5, didapati bahawa majoriti (92.7%) daripada keseluruhan 150 responden yang dikaji mempunyai sikap yang negatif terhadap produk makanan organik dengan perolehan 15 hingga 28 markah. Berdasarkan jadual juga, didapati hanya 7.3% responden sahaja yang

bersikap positif terhadap makanan organik dengan perolehan markah dari 29 hingga 42 markah.

Hal ini mungkin dipengaruhi oleh geografi dan pendapatan yang rendah oleh majoriti responden. Walaupun Kuala Krai tidak dikategorikan sebagai kawasan luar bandar, namun bandar ini masih dalam proses pembangunan, justeru menyebabkan masyarakat di kawasan ini tidak mendapat kemudahan maklumat yang secukupnya dan peluang pekerjaan yang baik. Oleh itu, masyarakat di sini lebih cenderung untuk bersikap negatif terhadap produk makanan organik ini.

Amalan pengguna terhadap produk makanan organik

Kajian terhadap amalan pengguna terhadap produk makanan organik turut dianalisis menggunakan Skala Likert dan kekerapan serta peratusan yang diperolehi adalah seperti dalam Jadual 6 di bawah. Skala yang diberikan adalah tidak pernah, jarang-jarang, kadang-kadang, kerap dan sangat kerap.

Jadual 6: Amalan Pengguna terhadap Makanan Organik

Pemboleh Ubah	n (%)				
	1	2	3	4	5
1. Saya mengelak daripada membeli produk yang tidak mesra alam.	6 (4.0)	12 (8.0)	52 (34.7)	42 (28.0)	38 (25.3)
2. Saya lebih suka membeli produk makanan organik berbanding makanan konvensional.	2 (1.3)	13 (8.7)	61 (40.7)	45 (30.0)	29 (19.3)
3. Saya tidak kisah membelanjakan pendapatan saya untuk membeli makanan organik.	2 (1.3)	16 (10.7)	66 (44.0)	39 (26.0)	27 (18.0)
4. Saya rasa puas apabila menggunakan produk makanan organik.	1 (0.7)	8 (5.3)	35 (23.3)	67 (44.7)	39 (26.0)
5. Dalam sebulan, saya akan pastikan saya ada menggunakan produk makanan organik.	3 (2.0)	23 (15.3)	58 (38.7)	46 (30.7)	20 (13.3)
6. Saya berpendapat mengamalkan amalan pemakanan organik adalah satu keperluan.	2 (1.3)	4 (2.7)	64 (42.7)	45 (30.0)	35 (23.3)

Jadual 6: (sambungan)

Pemboleh Ubah	n (%)				
	1	2	3	4	5
7. Saya tidak kisah walaupun produk makanan organik lebih mahal daripada produk makanan konvensional.	4 (2.7)	16 (10.7)	52 (34.7)	53 (35.3)	25 (16.7)
8. Saya mencadangkan produk makanan organik kepada keluarga dan rakan-rakan.	10 (6.7)	32 (21.3)	46 (30.7)	31 (20.7)	31 (20.7)
9. Saya menghadiri seminar berkaitan produk makanan organik.	45 (30.0)	49 (32.7)	31 (20.7)	17 (11.3)	8 (5.3)
10. Saya mencari maklumat mengenai produk makanan organik.	8 (5.3)	41 (27.3)	48 (32.0)	27 (18.0)	26 (17.3)

Petunjuk :

1 = Tidak pernah 2 = Jarang-jarang 3 = Kadang-kadang 4 = Kerap 5 = Sangat kerap

Jadual 7: Amalan Pengguna terhadap Makanan Organik

Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Tinggi (38 ke atas)	46	30.7
Sederhana (24- 37)	96	64.0
Rendah (23 ke bawah)	8	5.3

Min : 33.92

Minimum : 10

Sisihan piawai : 8.10

Maksimum : 50

Jadual 7 menunjukkan kategori amalan terhadap produk makanan organik iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Markah maksimum yang diberikan ialah sebanyak 50 markah dan minimum pula ialah 10 markah. Hasil yang diperoleh mendapati kebanyakan responden berada pada tahap yang sederhana (64.0%) dalam mengamalkan produk makanan organik dengan perolehan markah dari 27-37 markah, diikuti 30.7% responden berada pada tahap tinggi terhadap amalan pemakanan organik dengan memperoleh markah 38 ke atas dan tahap rendah (5.3%).

Pengujian hipotesis

Bahagian ini membentangkan secara keseluruhan hasil kajian yang diperoleh berdasarkan hipotesis dan ujian statistik yang dilakukan. Hasil kajian yang diperoleh ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Jadual 8: Hasil hipotesis kajian

Hipotesis	Ujian	Hasil	Hasil keputusan hipotesis (Ho)
Ho 1 – Tiada perkaitan yang signifikan di antara tahap pengetahuan dengan sikap pengguna terhadap produk makanan organik.	Korelasi	$r = 0.223^{**}$ $p = 0.006$	Berjaya ditolak
Ho 2 - Tiada perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan pengguna terhadap produk makanan organik.	Korelasi	$r = 0.119$ $p = 0.148$	Gagal ditolak
Ho 3 - Tiada perkaitan yang signifikan antara sikap dengan amalan pengguna terhadap produk makanan organik.	Korelasi	$r = 0.564^{**}$ $p = 0.0001$	Berjaya ditolak

Hasil kajian Korelasi Pearson dalam Jadual 8 menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan sikap pengguna terhadap penggunaan makanan organik ($r=0.223^{**}$, $p=0.006$). Menurut Guilford (1965), korelasi ini menunjukkan perkaitan yang lemah kerana nilai r berada dalam lingkungan 0.20-0.40. Walau bagaimanapun, Ho 1 berjaya ditolak kerana nilai signifikan adalah kurang daripada nilai alpha iaitu 0.01. Oleh itu, dirumuskan bahawa semakin tinggi tahap pengetahuan seseorang, maka semakin positif sikapnya terhadap penggunaan produk makanan organik.

Perkaitan antara tahap pengetahuan dengan amalan terhadap penggunaan produk makanan organik pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan terhadap penggunaan produk makanan organik. Hasil yang diperoleh (nilai p) daripada kajian ini adalah lebih daripada nilai alpha 0.05 iaitu 0.148. Justeru, hipotesis untuk tahap pengetahuan dengan amalan adalah tidak signifikan. Oleh itu, hipotesis ini gagal ditolak.

Seterusnya, bagi hubungan antara sikap dengan amalan pula menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap pengguna dengan amalan terhadap penggunaan produk makanan organik dengan nilai p bawah pada

0.01 iaitu 0.0001. Kekuatan hubungan antara sikap responden dengan amalan terhadap penggunaan produk makanan organik adalah kuat kerana berada dalam lingkungan 0.50-0.69 (Davis, 1971). Oleh itu, hipotesis ini berjaya ditolak. Jadi, dapat disimpulkan bahawa seseorang yang mempunyai sikap positif terhadap penggunaan produk makanan organik lebih cenderung untuk mengamalkan penggunaan produk tersebut. Barrena & Sanchez, 2010 juga turut menyatakan tahap penggunaan yang tinggi terhadap makanan organik dikaitkan dengan sikap pengguna dan struktur nilai dalam pembelian.

Kesimpulan

Kesimpulan kajian menunjukkan tahap pengetahuan responden terhadap produk makanan organik berada pada tahap pengetahuan tinggi. Hasil kajian dalam mengenal pasti sikap terhadap produk makanan organik pula mendapati bahawa majoriti responden bersikap negatif terhadap makanan organik. Sementara itu, amalan pengguna terhadap penggunaan produk makanan organik didapati berada pada skor sederhana sahaja.

Selain itu, kajian ini juga telah mendedahkan bahawa terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan sikap pengguna terhadap produk makanan organik. Hal ini menunjukkan bahawa seseorang yang berpengetahuan tinggi terhadap penggunaan produk makanan organik lebih cenderung untuk bersikap positif terhadap penggunaan produk tersebut.

Perkaitan antara tahap pengetahuan dengan amalan terhadap produk makanan organik pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan terhadap produk makanan organik. Perkaitan antara tahap pengetahuan dengan amalan terhadap produk makanan organik pula menunjukkan bahawa tidak terdapat perkaitan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan amalan terhadap produk makanan organik.

Seterusnya, hubungan antara sikap dengan amalan pula menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan antara sikap pengguna dengan amalan terhadap penggunaan produk makanan organik. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa seseorang yang mempunyai sikap positif terhadap penggunaan produk makanan organik lebih cenderung untuk mengamalkan penggunaan makanan organik.

Rujukan

Azadi, H. & Ho, P. (2010). Genetically modified and organic crops in developing countries: a review of options for food security. *Biotechnology Advances*, 28, 160–168.

Barrena, R. & Sanchez M. (2010). Frequency of consumption and changing determinants of purchase decision: from attributes to values in the organic food market. *Spanish Journal of Agricultural Research*, 8(2), 251-272.

Carl, K.W. & Sarah, F. D. (2006). *Organic Foods*. Institute of Food Technologist 71(9) dari <http://onlinelibrary.wiley.com>

Crutchfield, S. R. & Robert, I. (2010). Food safety effort accelerate in the 1990's. *Food Review*, 23, 44-49.

Efthimia, T., Christina, B., Yorgos, Z., & Kostantinos, M. (2008). Attitudes and behaviour towards organic products: An exploratory study. *International Journal of Retail and Distribution Management*, 36(2), 158-175.

Golnaz, R., Zainalabidin, M. Mad Nasir., S. & Phuah, K. T. (2011). Demographic and Attitudinal Variables Associated with Consumers' Intention to Purchase Green Produced Foods in Malaysia. 2(5), 401-406.

Jabatan Pertanian Malaysia (2012). *Pensijilan Skim Organik Malaysia (SOM)*. Dimuat turun pada Julai 21, 2012 daripada laman web <http://www.doa.gov.my/pensijilan-skim-organik-malaysia-som->

Lau, K. Y. (2009). Consumer behaviour towards organic food consumption in hong kong: An empirical study: Hong Kong Baptist University, Hong Kong.

Mohamad Hafizudin, M. N. (2012). *Krisis makanan dan ekosistem dunia: Saatnya kembali kepada organik*. Dimuat turun pada April 8, 2012, daripada *Laman Web Gempur*: <Http://Gerakanmahasiswaipantaitimur.Wordpress.Com>

Noor, A. J. (2010). Persepsi pengguna terhadap makanan organik di Kota Kinabalu. Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan Malaysia Sabah.

Pieniak, Z., Aertsens, J., & Verbeke, W. (2010). Subjective and objective knowledge as quality. *Food Quality and Preference*, 8, 19–26.

Rohaniza, I. (2010). *Berita Harian online: Ketulenan Produk Cabaran Organik*. Dimuat turun pada Mac 2, 2010 daripada Laman Web <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Ketulenanprodukcabaranprodukorganik/Article/cetak>

Shamsul Azahari, Z. B. & Laily P. (2007). Corak penggunaan produk organik di kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 10, 80-91.

Wandel, M. & Bugge, A. (1997). Environmental concern in consumer evaluation of food determinants of organic vegetables consumption. *Food Quality and Preference*, 21(6), 581-8.

Wier, M., Andersen, L.M., & Millock, K. (2003). Consumer demand for organic foods. attitudes, values and purchasing behavior. *Paper presented at SOM Workshop, Environment*.

Willer, H. & Klicher, L. (Eds.).(2009). The world of organic agriculture. *Statistics and Emerging Trends 2009*. Dimuaturun dari www.organic-world.net

William, R. 2002. *Organic Farming*. Jabatan Pertanian. Jalan Sultan Salahuddin, Kuala Lumpur.